

20 MAR 1999

Abdullah-stabil

TINDAKAN TIMBUL HURU-HARA PERLU DITENTANG, KATA PAK LAH

MELAKA, 20 Mac (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata sebarang tindakan bertujuan menimbulkan huru-hara di negara ini perlu ditentang kerana rakyat ingin terus melihat Malaysia mengecapi keamanan dan kestabilan.

Beliau berkata ini penting berikutan wujudnya golongan tertentu yang bergerak di kampung-kampung yang mencaci kepimpinan kerajaan bertujuan menimbulkan kebencian rakyat kepada pemimpin.

"Tujuan mereka ialah untuk memecah-belahkan perpaduan yang telah wujud sekian lama.

"Mereka tidak akan berhenti selagi rakyat tidak membenci kepimpinan negara, tetapi percayalah mereka tidak akan berjaya," katanya ketika berucap merasmikan sambutan Hari RELA Ke-27 Peringkat Kebangsaan 1999 di Sungai Udang di sini.

Abdullah turut merasmikan pusat latihan RELA Wilayah Selatan yang berharga RM 7.4 juta itu.

Abdullah, yang juga Menteri Dalam Negeri, turut mengingatkan semua anggota Rela yang kini berjumlah lebih 260,000 bahawa mereka tidak boleh berpihak kepada mana-mana parti politik atau golongan yang menentang kerajaan.

Katanya sebagai sebuah komponen jentera menjaga keselamatan negara, mereka perlu mempunyai semangat yang kental terutamanya dalam menghadapi ancaman berupa kumpulan yang sanggup menghasut supaya rakyat membunuh pemimpin negara.

Perkara itu didedahkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Rabu lalu yang berkata hasutan dan fitnah yang menyuruh umat Islam membunuh pemimpin negara termasuk beliau sendiri tersebar menerusi pengedaran pita rakaman.

Abdullah berkata ketika negara menghadapi ancaman komunis dulu, anggota Rela banyak memberikan maklumat mengenai gerak-geri pengganas komunis sehingga membolehkan mereka ditumpaskan anggota keselamatan.

"Walaupun kita tidak lagi menghadapi ancaman komunis, sumbangan pasukan Rela tetap diperlukan kerana tugas mempertahankan negara berada di tangan rakyat sendiri selain angkatan tentera dan polis," katanya.

Abdullah mengucapkan terima kasih kepada pasukan Rela bagi pihak kerajaan kerana membantu menangani masalah pendatang tanpa izin dan pengedaran dadah selain menjalankan khidmat sosial seperti menyediakan kemudahan asas di kampung dan menderma darah.

Sehubungan itu, beliau menyarankan supaya kerajaan-kerajaan negeri dan agensi kerajaan menggunakan khidmat pasukan Rela untuk menjayakan program pembangunan termasuk usaha membasmi kemiskinan, satu langkah yang menurutnya boleh menjimatkan kos.

Menyentuh situasi ekonomi negara yang menunjukkan langkah pemulihan yang diambil kerajaan semakin berhasil, beliau berkata rakyat perlu terus menaruh keyakinan kepada kerajaan dalam usahanya meningkatkan prestasi ekonomi negara.

Pada majlis yang diadakan sempena lawatan separuh hari beliau ke Melaka, Abdullah turut melancarkan falsafah baru perjuangan Rela ke arah mewujudkan anggota yang berpengetahuan dan berkesan selaras dengan tugasnya sebagai benteng ketiga pertahanan negara dan sebuah pasukan sokongan.

Ia juga menetapkan pasukan Rela perlu mempelopori secara sukarela kerja kebajikan apabila berlakunya sebarang malapetaka dan menceburkan diri dalam

rancangan pembangunan melalui pembabitan dalam projek ekonomi.  
-- BERNAMA  
MAM wat